

17 MAY 2002

MAHATHIR-PASARAN

BARANGAN MALAYSIA SUKAR TEMBUSI PASARAN AS KERANA KURANG PROMOSI

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Kurangnya promosi barangan Malaysia adalah faktor utama kenapa barangan dari negara ini tidak dapat menembusi pasaran Amerika Syarikat (AS) yang begitu luas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Lawatan saya (ke AS) bukan bermaksud untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan tetapi apa yang saya lihat ialah AS ialah sebuah negara yang mempunyai pasaran yang amat besar tetapi saya nampak Malaysia tidak mengambil inisiatif untuk mempromosikan barangan keluaran kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di KLIA sekembalinya daripada lawatan empat hari ke AS, di sini hari ini.

Bahkan, kata Dr Mahathir, tidak ada satu tempatpun barangan Malaysia dipamerkan dan tiada usaha oleh pengusaha-pengusaha negara ini untuk mempromosikan barangan mereka sedangkan pasaran AS begitu besar sekali.

"Kalau kita dapat satu peratus (daripada pasaran itu) itu sudah besar dan barangan yang dimaksudkan bukan sahaja barangan elektronik yang kita buat di sini tetapi juga lain-lain barangan seperti perabot. Pasaran perabot AS begitu besar sekali dan banyak lagi barangan yang diusahakan oleh orang Malaysia dapat dipasarkan di AS," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak membincangkan perkara itu dengan pemimpin AS tetapi cuma membincangkan perkara itu dengan Duta Malaysia di Washington.

Ditanya langkah seterusnya untuk memperhebatkan promosi barangan Malaysia di AS, beliau berkata: "Malaysia perlu menunjukkan jenis produk-produk yang dikeluarkannya.

"Duta kita telah memutuskan untuk mengkhaskan satu tempat di Kedutaan Malaysia (di Washington) untuk mempamerkan barangan Malaysia dan pengeluar-pengeluar Malaysia mestilah mengadakan produk-produk mereka supaya kita boleh promosikan untuk mereka. Akhirnya mereka yang akan membuat keuntungan daripada jualan, jadi mereka harus sanggup memberikan produk-produk mereka untuk pameran," katanya.

Katanya barangan Malaysia tidak harus tertumpu di Washington sahaja tetapi juga di serata tempat di AS.

Semasa bercakap mengenai pertemuan Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dengan Pengerusi Rizab Pesrekutuan Alan Greenspan, Dr Mahathir berkata, perbincangan tersebut berkisar mengenai Perbankan Islam.

"Nampak jelas bahawa dia tidak mempunyai banyak maklumat mengenai Perbankan Islam dan beliau bertanya mengenai kemungkinan kita adakan Bon Islam sedangkan itu telahpun diusahakan oleh kita sekian lama dan banyak lagi produk Perbankan Islam telah dicipta di Malaysia dan diterima oleh masyarakat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata jelas sekali bahawa mereka hanya tertumpu kepada sistem mereka sahaja dan tidak begitu yakin yang sistem Perbankan Islam boleh digunakan.-- BERNAMA

SR FA AHH OS